

12 JAN 1996

Anwar - Mara

ANWAR BERI JAMINAN PENERIMA BIASISWA MARA DITERUSKAN

KUALA KUBU BAHARU, 12 Jan (bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata para pelajar yang sedang menerima biasiswa MARA akan terus menerima biasiswa itu bagi memastikan pengajian mereka tidak terjejas.

Timbalan Perdana Menteri berkata bagaimanapun MARA tidak akan memberikan biasiswa tambahan jika tiada wang.

"Kita tidak mahu pelajar-pelajar yang menerima biasiswa itu terjejas...jadi yang menerima biasiswa diteruskan," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak projek perumahan kos rendah Hutan Simpan Rantau Panjang, Mukim Serendah dekat sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman MARA baru-baru ini bahawa ia telah memberhentikan pemberian biasiswa dan pinjaman kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran.

Anwar berkata pemberhentian biasiswa pelajar itu menimbulkan banyak persoalan "seolah-olah kerajaan yang telah memberhentikan peruntukan sedangkan kedudukan sebenarnya bukan begitu."

"Masalahnya ialah masalah pada masa perancangan dan pengurusan...ia tidak melibatkan pengerusi MARA yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata Jemaah Menteri telah membincangkan mengenai kedudukan kewangan MARA dan Menteri Pembangunan Usahawan telah memberikan penjelasan.

Menurutnya keadaan itu berpunca daripada kadar belanjawan MARA dahulu terlalu longgar sehingga tidak merujuk kepada agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

"Saya tidak bermaksud mengatakan belanja itu betul atau tidak tetapi peraturannya tidak kena," katanya.

Katanya jika Perbendaharaan tidak dimaklumkan mengenai pembinaan sesuatu projek dan apabila diminta wang tambahan tentunya ia akan hanya menjawab "tidak mengetahui" mengenai projek itu.

"Ini yang berlaku...habis wang MARA dahulu dibelanjakan untuk projek-projek termasuk wang rizab MARA...sekarang ini sampai satu keadaan di mana wang biasiswa yang patut dibayar oleh MARA pun tak dapat diteruskan dan wang mengurus projek-projek lama itu juga terbantut," katanya.

Anwar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri telah mengarahkan supaya dibuat audit betul-betul dan diteliti semula untuk memastikan MARA mematuhi semua peraturan kewangan dan pentadbiran dan merujuk kepada agensi pusat seperti mana agensi-agensi lain.

"Saya telah beritahu Menteri (Pembangunan Usahawan) bahawa kalau ada pengakuan yang masalah itu tidak berulang, semua projek baru diteliti rapi, kita boleh berikan kerjasama," katanya.

Beliau telah mengarahkan Perbendaharaan supaya mengkaji projek-projek MARA yang harus segera diteruskan termasuklah pemberian biasiswa kepada penerima sedia ada.

Ketika diminta mengulas mengenai lebih RM200 juta wang pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak dapat dikreditkan ke akaun mereka kerana pelbagai masalah, Anwar berkata perkara itu merupakan antara yang telah dibincangkan semasa lawatannya ke KWSP.

"Biarlah KWSP meneliti masalah itu terlebih dahulu sebelum saya memberikan ulasan lanjut mengenainya," katanya. -- BERNAMA